

Raih ilmu melalui Dialog MIB



Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 10 Januari - Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (MIB) adalah berperanan dalam menyebarkan dan mengukuhkan lagi pengamalan dan penghayatan nilai-nilai MIB dalam kehidupan masyarakat Brunei sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi menggalakkan kewujudan negara MIB secara dengan

Wawasan Negara 2035.

Sehubungan itu, bagi mengetahui lebih dekat lagi tentang peranan dan tugas tersebut, lebih 80 orang rombongan mantan pelajar Brunei yang pernah belajar di Singapura dan Semenanjung Tanah Melayu Malaysia antara tahun 1950-an sehingga 1970-an menghadiri Taklimat dan Dialog MIB tersebut.

Taklimat dan Dialog MIB yang berlangsung di Centrepoint Hotel,

PARA peserta Taklimat dan Dialog Melayu Islam Beraja (MIB) bergambar ramai sebelum majlis tersebut dimulakan.

Gadong, di sini, dikendalikan oleh Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi MIB.

Pada majlis tersebut, rombongan berkenaan mendengarkan taklimat mengenai latar belakang penubuhan Majlis Tertinggi MIB yang disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, selaku Setiausaha Ketua Urus Setia Majlis Tertinggi MIB, Dr. Awang Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.

Dalam taklimatnya, beliau menjelaskan bawahan perkongsian maklumat, pengetahuan dan pengalaman bagi sama-sama meningkatkan kefahaman untuk mengukuhkan pengamalan dan penghayatan kita terhadap nilai-nilai MIB dalam kehidupan bermasyarakat, kewujudan negara MIB secara dengan

beragama dan bernegara.

Jelasnya, perhimpunan tersebut juga selaras dengan peranan dan tugas Majlis MIB yang ditubuhkan sejak tahun 1984, bagi menjunjung titah Kobawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi mencapai Wawasan Negara 2035.

Dr. Awang Haji Muhammad Hadi menjelaskan, hasil daripada perbincangan dan pertukaran minda serta buah fikiran itu akan dapat dijadikan rujukan dan panduan untuk merancang merangka polisi-polisi dan dasar-dasar bagi penerapan nilai-nilai MIB dalam apa juga perisian dalam kehidupan bermasyarakat sebagaimana yang dititahkan oleh baginda ketika sambutan Maulidur

Rasul 1436 Hijrah baru-baru ini.

Sesi taklimat dan dialog berkenaan juga diisikan dengan pembentangan dua kertas kerja disampaikan oleh Profesor Madya Dr. Awang Haji Hashim bin Haji Abdul Hamid dengan tajuk 'MIB sebagai Cara Hidup' dan Dato Paduka Dr. Awang Haji Ismail bin Haji Duran dengan tajuk 'MIB dan Wawasan Negara 2035'.

Antara lain melalui dialog dan perbincangan ini akan dapat menambahkan lagi ilmu pengetahuan dan maklumat-maklumat yang relevan dalam usaha untuk sama-sama melaksanakan dan mengamalkan nilai-nilai MIB bagi kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.

Intelek muda IPT tunjuk bakat berpidato

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Hj Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor



REKTOR UNISSA, Dr. Haji Norafan bin Haji Zainal, menyampaikan hadiah kepada Johan Pidato IPT Senegara Piala Rektor UNISSA, Awang Muhammad Fatin Abdul Rahman bin Kifli mewakili KUPU SB dengan tajuk 'Mencintai Rasulullah Demi Mencapai Cinta Ilahi'.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 10 Januari. - Awang Muhammad Fatin Abdul Rahman bin Kifli wakil peserta dari Kolej Universiti Perguruan Ugamma Seri Begawan (KUPU SB) muncul johan pada Pertandingan Pidato Institut Pengajian Tinggi (IPT) Senegara Piala Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Naib johan disandang oleh Awang Muhammad Yadi bin Haji Mat Yassin wakil peserta dari UNISSA dengan markah 77 peratus dan tempat ketiga dimenangi oleh Awang Muhammad Damial bin Ramadhan wakil peserta dari Institut Teknologi Brunei (ITB) dengan markah 70 peratus.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Rektor UNISSA, Dr. Haji Norafan bin Haji Zainal.

Johan yang berjaya memperolehi markah sebanyak 82.3 peratus telah membawa pulang hadiah berupa wang tunai sebanyak BND1,500, Piala Pusingan Piala Rektor UNISSA, trofi dan sijil penyertaan.

Manakala tempat ketiga membawa pulang hadiah berupa wang tunai sebanyak BND800, trofi dan sijil penyertaan.

Seramai enam finalis berentap pada pertandingan anjuran Alumni UNISSA yang diadakan di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Tema pertandingan pada malam ini ialah 'Mencintai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam'.

Antara objektif pertandingan adalah bagi memeriahkan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sekali gus menggalakkan golongan intelektual muda dari peringkat IPT untuk menyampaikan pidato dengan hujah yang ilmiah dan berkualiti.

Pertandingan yang diadakan adalah bersempena dengan Karnival Belia Cinta Rasul yang menjadi peluang keemasan buat Alumni UNISSA bagi mengadakan program berkskala besar di luar kampus yang mana pendekahan seperti ini mampu memasyarakat lagi penglibatan Alumni UNISSA sebagai penggerak program yang bermanfaat untuk semua.

Untuk pertandingan ini, selain dibukukan kepada mahasiswa dan mahasiswa IPT secara, penyertaan juga dibukukan kepada alumni-alumni IPT yang baru menerima ijazah sejak tiga tahun kebelakangan.

ROMBONGAN pelajar yang akan menyertai 'The 6th ASEAN +3 Centre for the Gifted in Science (ACGS): Teacher Workshop and Student Camp for the Gifted in Science in Changwon, Korea'.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 10 Januari. - Unit Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan telah memilih enam pelajar terbaik untuk mewakili Negara Brunei Darussalam bagi menyertai 'The 6th ASEAN +3 Centre for the Gifted in Science (ACGS): Teacher Workshop and Student Camp for the Gifted in Science in Changwon, Korea'.

Pelajar-pelajar itu terdiri daripada Yang Mulia Pengiran Nur Azeerah binti Pengiran Anak Haji Mohammad Al-Mokhtar dari Sekolah Menengah Yasayan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Awang Lim Ian Wei dan Dayang Aisyah Farhanah binti Singap @ Abdul Majid dari Maktab Sains Paduka Sri Begawan Sultan, Awang Muhammad Afif Ruizaini bin Muhammad Sofian dari Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Awang Ibrahim bin Haji Md. Yussof dari Sekolah St. Andrews dan Awang Yura Mohammed Adibillah bin Saifulrizal dari Sekolah Antarabangsa Jerudong.

Rombongan telah berlepas ke Republik Korca diketuai oleh dua guru pengawas, iaitu Awang Iluzaimi bin Haji Abdul Kassim dari Sekolah Sukan dan Dayang Adlina Rahayu binti Haji Zaini dari Sekolah Menengah Sayyidina Hasan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, di sini.

Program selama lapan hari itu bermula 11 hingga 18 Januari di Changwon, Republik Korea bertemakan 'Green Smart Home'.

Program ACGS menantapkan untuk menyediakan peluang-



Enam pelajar wakil ke ACGS di Korea

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

peluang pendidikan bagi pelajar-pelajar dan guru-guru serta perbezaan dalam bidang sains dan teknologi dalam kalangan negara ASEAN +3, membangunkan sumber tenaga kreatif manusia masa depan dalam bidang sains perindustrian yang tinggi dan memupuk kerjasama dan kesedaran masyarakat melalui pelbagai pertukaran dalam kalangan negara ASEAN +3, di samping memupuk saintis muda yang berkualiti.

Unit Pendidikan Khas komited dalam merealisasikan visi

Kementerian Pendidikan dalam kualiti pelajaran terutamanya bagi pelajar-pelajar keberperluan khas termasuk pelajar berbakat dengan kebolehan pembelajaran unggul.

Sejak tahun 2009, pelajar berbakat telah dipilih untuk mengambil bahagian pada program pendidikan berbakat antarabangsa untuk menyediakan pelajar-pelajar yang dikenal pasti dapat menerus dan meningkatkan bakat mereka.

Perkara ini selaras dengan Wawasan 2035 yang bertujuan untuk membuat Negara Brunei Darussalam sebuah negara diiktiraf secara meluas untuk pencapaian orang berpendidikan dan berkemahiran tinggi.